

# Penyogorbanan keluarga jadi pendorong Siti Hawa

Gadis berusia 18 tahun ini terpaksa bergantung kepada kerusi roda untuk bergerak dengan bantuan keluarganya untuk melakukan sesuatu.

ZAKARIA

■ SYUKURI

**KESUSAHAN** dan pengorbanan yang terpaksa ditempuhi oleh kedua orang tuanya demi memastikan kejayaan anaknya menjadi pendorong kepada seorang pelajar istimewa di Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk meneruskan hidup dan mencapai kejayaan seperti insan normal yang lain.

Pelajar tahun satu yang mengambil Diploma Sains Komputer di UMP merupakan pelajar OKU yang pertama diterima masuk oleh UMP sebagai perintis dan pendorong kepada pelajar OKU yang lain untuk turut sama menyambung pendidikan di sana.

Dilahirkan dalam keadaan tidak mampu berjalan, Siti Hawa Apandi, 18, terpaksa bergantung kepada kerusi roda untuk bergerak dengan bantuan daripada ahli keluarganya untuk melakukan sesuatu.

Menurut Siti Hawa, walaupun dia sedar keadaannya dirinya tidak seperti insan yang lain yang sebaya dengannya, namun dia reda dengan ketentuan Ilahi dan sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik agar dapat membanggakan kedua ibu-bapanya.

"Walaupun dalam keadaan begini, saya tidak pernah berputus asa untuk mencapai kejayaan dan bercita-cita untuk menjadi seorang pengatur cara komputer yang terkenal agar dapat membantu keluarga yang banyak berkorban sejak lahir sehingga sekarang.

"Kedua orang tua dan juga adik-beradik yang lain banyak membantu saya sehingga tahap ini. Tanpa mereka semua saya mungkin sukar untuk meneruskan hidup ini dan saya mungkin juga tidak mampu mencapai cita-cita saya."

Ibunya, Zaidah Tajmijis, 44, berkata, beliau tidak pernah berputus asa untuk membesarkan anaknya itu dan akan sentiasa berada di sisinya demi memastikan anaknya mampu berjaya seperti insan lain dan mencapai cita-citanya.

"Saya menerima semua ini dengan reda



Siti Hawa bersama keluarga yang banyak memberi semangat dalam menempuh cabaran.

*Walaupun dalam keadaan begini, saya tidak pernah berputus asa untuk mencapai kejayaan dan bercita-cita untuk menjadi seorang pengatur cara komputer yang terkenal agar dapat membantu keluarga yang banyak berkorban sejak lahir sehingga sekarang*

kerana sudah ketentuan Ilahi. Sebagai ibunya, saya akan sentiasa memberi sokongan dan bantuan sehingga beliau berjaya mencapai

cita-citanya. "Saya terpaksa berhemat untuk menjaga anak orang demi untuk dia dapat mendidkan di UMP agar beliau dapat tumpuan kepada pelajar lain."

Menurut bapa kepada Siti Hawa, A. Hadi, 44, ibunya terpaksa tinggal bersama dengan Siti Hawa dalam sebuah bilik khas yang telah disediakan oleh UMP untuk menguruskan segala keperluan Siti Hawa.

"Sepanjang ketidadauan isteri saya, segala urusan anak-anak yang lain terpaksa saya uruskan sendiri. Mereka akan pulang ke rumah setiap hari Sabtu dan Ahad untuk bersama dengan kami semua," k

Tambahnya lagi, anak sulung dan anak kedua mereka, iaitu bongsunya juga menderita nasib yang sama dengan Siti Hawa. Namun begi marereka, berdua telah meninggal dunia kerana mereka dalam keadaan lemah.

"Anak sulung kami dilahirkan seperti Siti Hawa namun telah meninggal dunia semasa umurnya 18 tahun manakala anak bongsu kami meninggal semasa lahir kerana menghadapi penyakit yang sama dengan abang dan kakaknya.

"Kami semua menerima segala dugaan ini dengan penuh sabar kerana in semua dugaan yang diberikan oleh Allah SWT untuk menguji keimanan kami semua. Kami juga bersyukur kerana pihak UMP dan beberapa insan lain yang sanggup membantu meringankan beban yang kami tanggung," jelasnya.